

**PERSEMPADANAN SEMULA KAWASAN PILIHAN RAYA 2003 DAN IMPAKNYA
KEPADA PILIHAN RAYA UMUM (PRU) 2008 DI KAWASAN DEWAN UNDANGAN
NEGERI (DUN) KAJANG DAN BANGI, SELANGOR**

(The Reboundary of Electoral Area Constituency 2003 and The Impact of
2008 Malaysian General Elections in Constituency Legislative Assembly Area of Kajang and
Bangi)

Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Rosmadi Fauzi & Amer Saifude Ghazali

ABSTRAK

Persempadanan kawasan dibentuk daripada sempadan dan had ruang yang telah ditetapkan secara absah oleh pihak berkuasa. Di Malaysia, persempadanan sesuatu kawasan berbeza mengikut bidang kuasa pentadbiran pihak yang berautoriti iaitu merangkumi persempadanan pentadbiran pejabat tanah dan daerah, pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan pentadbiran Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). Dalam konteks persempadanan bahagian pilihan raya di Malaysia, ia termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu persempadanan bahagian pilihan raya perlu dilakukan setiap 10 tahun sekali berlandaskan kepada keadaan geografi dan topografi sesuatu kawasan, tahap pembangunan, demografi, kemudahan asas dan komunikasi serta kemampuan Kerajaan (Negeri dan Persekutuan) untuk menampung kos yang terlibat dengan penambahan kerusi DUN. Namun demikian, setelah persempadanan semula tersebut dibuat dan diluluskan, terdapat unsur-unsur yang dilihat menguntungkan pemerintah dalam usaha bagi mengukuhkan strategi bagi mengekalkan kuasa/geopolitik yang disebut sebagai *gerrymandering*. Justeru dalam artikel ini, secara mikronya kawasan pilihan raya Dewan Undangan Negeri (DUN) Kajang dan Bangi dipilih sebagai kawasan kajian untuk mengenalpasti kesan persempadanan semula kawasan pilihan raya 2003 terhadap pilihan raya umum. Berdasarkan temubual, pemerhatian di lapangan dan kajian kepustakaan didapati bahawa persempadanan semula kawasan pilihan raya 2003 menyebabkan berlakunya perubahan bilangan pemilih secara keseluruhan, perubahan bilangan pemilih mengikut kaum, perubahan kedudukan dan pertambahan serta pengurangan daerah mengundi, pertambahan kerusi DUN/konstituensi, perubahan kedudukan DUN dalam kawasan Parlimen dan memberi kesan terhadap keputusan pilihan raya. Persempadanan semula menyebabkan DUN Kajang dibahagikan kepada 2 kawasan iaitu DUN Kajang dan DUN Bangi dan digunapakai dalam Pilihan Raya Umum 2004 dan 2008. Persempadanan semula tersebut juga memberi kesan kepada keputusan pilihan raya umum 2004 di kawasan kajian dengan memberi kelebihan kepada parti peneraju Kerajaan Negeri dan Persekutuan iaitu Barisan Nasional (BN) namun ia berubah pada Pilihan Raya Umum (PRU) 2008. Justeru, artikel ini akan mengupas dengan lebih lanjut impak persempadanan semula bahagian pilihan raya 2003 dan pola pengundian di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kajang dan Bangi pada pilihan raya umum (PRU) 2008.

Kata kunci: Persempadanan, Pilihan raya, Geografi, Persempadanan semula, Gerrymandering

ABSTRACT

Delimitation of the area of boundaries be formed by limits of space already defined by legitimate authority. In Malaysia, the delimitation of the area varies according to the administrative jurisdiction of the delimitation of authority that includes the land and district administration, the administration of the Local Authority and administration of the Election Commission (EC). In the context of the delimitation of constituencies in Malaysia, it is enshrined in the Constitution of delimitation of constituencies should be done every 10 years based on geography and topography of the area, the level of development, demography, basic facilities and communications and the ability of the Government (State and Federal) to cover the costs involved with additional seats. However, after the redistrict was made and approved, there are elements seen favorable ruling in an effort to strengthen strategies to maintain power/geopolitics known as *gerrymandering*. In this article, a constituencies Legislative Assembly/Dewan Undangan Negeri (DUN) Kajang and Bangi chosen as the study area to identify the effect of redistrict constituencies to general election. Based on interviews, field observations and literature review found that the redistrict of the 2003 electoral boundary changed the whole number of voters, changed the number of voters by race, increasing seats of constituencies, changing the location of DUN in Parliament constituency and affect election results. Reboundary was divided Kajang constituency Legislative Assembly into two regions, namely DUN Bangi and DUN Kajang and applied in the General Election in 2004 and 2008. Reboundary also affect the outcome of the 2004 general election in the study area to give an advantage to the leader of the State and Federal Government (Barisan Nasional/BN) but it changed on the General Election (GE) in 2008. Thus, the article will cover more of the impact of redistrict electoral boundary area 2003 and voting patterns in the State Legislative Assembly Area of Kajang and Bangi on 2008 Malaysian General Elections.

Keywords: Barriers, Elections, Geography, Redistrict, Gerrymandering

PENGENALAN

Geografi politik merupakan salah satu aspek kajian geografi manusia iaitu satu bidang kajian yang lebih besar, namun di dalamnya terkandung elemen pembeza yang membuatnya terkhusus. Oleh itu seorang pakar geografi politik akan menganalisis unit-unit politik dan unit yang terpenting ialah negara. Geografi politik memberi perhatian terhadap fenomena politik dan ia menumpukan perhatian kepada struktur institusi itu dijalankan dan bagaimana ia terlibat dalam pembentukan corak dan hubungan geografi. Sempadan dan ruang poligon membentuk peta (map) sesuatu kawasan atau wilayah. Sempadan merujuk kepada pembentukan garisan pemisahan kuasa pentadbiran dan pemetaan sesuatu kawasan (Glassner, M.I. 1993). Sempadan juga merujuk kepada pemisahan dan pembahagian untuk memudahkan pentadbiran, proses perekonomian dan sosialisasi manusia. Sempadan mempunyai dua keadaan iaitu sempadan semula jadi/*natural* seperti sungai, anak sungai, laut, gunung, bukit, gaung, tasik, paya dan sebagainya; dan sempadan buatan/*artificial* iaitu garisan latitud (jalan raya bertar, jalan tanah merah, lorong kaki, lorong, talian penghantar elektrik dan sebagainya) dan kebudayaan (bahasa, agama, etnik dan sebagainya). Pengertian ruang atau *space* pula berasal dari bahasa Latin iaitu *spatium* yang bererti ruangan atau luas (extent), manakala dalam bahasa Yunani pula, ruang

membawa maksud tempat (*topos*) atau lokasi (*choros*) yang memiliki ekspresi kualiti tiga dimensi. Kajian pembahasan 'ruang' seperti yang dinyatakan ini ditinjau dari sudut ilmu falsafah. Walau bagaimanapun, ruang dalam pemahaman kajian ini, melihat kepada perspektif fenomenologi iaitu ruang dalam menekankan kepada fenomena yang terjadi kepada manusia. Disini dikembangkan idea bahawa ruang dapat diertikan sebagai perwujudan manusia tentang 'keberadaannya' di dunia. Berdasarkan kajian bidang geografi pilihan raya yang terdahulu, telah dibuktikan bahawa elemen ruangan yang berasaskan kepada jarak mempunyai pertalian yang kuat dengan interaksi sosial para pengundi dan seterusnya memberi kesan kepada tingkahlaku mengundi (Johnston R.J. 1972). Ruang juga merujuk kepada sifat atau fenomena yang dibahagikan dalam sesuatu lingkungan, kawasan atau sempadan. Elemen ruangan seperti perletakan, lokasi, kejiranan dan jarak dilihat mempengaruhi kepada tingkahlaku dan pembuatan keputusan. Manusia akan berinteraksi dengan siapa atau di mana berasaskan kepada lokasi dan kejiranan di mana mereka berada. Elemen ruangan adalah sebahagian yang terkandung dalam pengajian geografi dan geografi politik secara khususnya dalam mengkaji pilihan raya (Rosmadi Fauzi et. al 2011). Paduan antara sempadan dan ruang menghasilkan peta sesuatu kawasan yang digunakan oleh pihak-pihak berautoriti untuk memudahkan kerja-kerja pentadbiran mengikut bidang kuasa yang telah ditetapkan. Dalam konteks persempadanan bahagian pilihan raya di Malaysia, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) diberikan kepercayaan untuk menjalankan ulangkaji persempadanan semula bahagian pilihan raya seperti mana yang telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Namun demikian, setelah persempadanan semula diluluskan, terdapat unsur-unsur yang dilihat memberi kelebihan kepada pemerintah yang dikenali sebagai *gerrymandering*. Oleh itu, artikel ini akan membahaskan impak persempadanan semula bahagian pilihan raya 2003 di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kajang dan Bangi pada pilihan raya umum (PRU) 2008.

PILIHAN RAYA DAN PERSEMPADANAN BAHAGIAN PILIHAN RAYA DI MALAYSIA

Geografi pilihan raya adalah kajian aspek ruangan organisasi manusia dan keputusan pilihan raya. Subjek kajian yang utama adalah manusia dan interaksinya dengan proses pengundian termasuk keputusan pilihan raya (Amer Saifude Ghazali 2009: 1). Di Malaysia, pilihan raya umum negara perlu dijalankan setiap lima tahun namun kebiasaannya ia berlangsung lebih awal setahun daripada tamat tempoh lima tahun tersebut. Ini adalah jarak masa yang paling sesuai untuk sesebuah pucuk pemerintahan itu menjalankan program-program pembangunannya kerana tidak terlalu lama dan tidak terlalu singkat. Dibawah perkara 113 Perlembagaan Malaysia, pilihan raya di Malaysia akan diuruskan oleh satu badan khas yang telah dilantik oleh Yang Dipertuan Agong setelah berbincang dengan Majlis Raja-Raja, badan ini dinamakan Suruhanjaya pilihan raya Malaysia (SPR) (Salleh Buang, 1997). Antara tugas SPR termasuklah melakukan tugas mengkaji semula persempadanan kawasan pilihan raya iaitu satu tugas yang perlu dilakukan setiap 10 tahun sekali. Kajian ini perlu dilakukan untuk menyusun dan menentukan semula kawasan-kawasan yang akan terlibat dalam pilihan raya akan datang. Dalam tiap-tiap sistem pilihan raya, setiap negeri perlu dibahagikan kepada beberapa kawasan pilihan raya yang akan diwakili oleh seorang atau beberapa orang wakil rakyat. Menurut sistem pilihan raya Malaysia, tiap-tiap satu kawasan pilihan raya akan diwakili oleh seorang wakil rakyat sahaja (Perkara 116(2) Perlembagaan Persekutuan) (Sothi Rachagan. 1993), oleh itu bilangan kawasan

pilihan raya adalah sama dengan bilangan anggota Dewan Rakyat begitu juga dengan bilangan Dewan Undangan Negeri. Oleh itu, besar atau kecilnya kawasan pilihan raya dan cara persempadanan itu akan ditentukan oleh perlembagaan dan ini boleh didapati dalam jadual ketigabelas Perlembagaan Persekutuan (Perlembagaan Persekutuan, 2007).

Malaysia yang merupakan negara bekas tanah jajahan British dan seperti negara Komanwel yang lain, mewarisi pemerintahan yang berdasarkan kepada sistem kerajaan berparlimen negara England (Wan Junaidi Tuanku Jaafar, 2010). Merujuk kepada aspek geografi keperwakilan dalam konteks Malaysia, setiap negeri dibahagikan kepada 4 struktur kawasan/bahagian pilihan raya iaitu yang terbesar ialah Parlimen (P); diikuti pecahan kepada kawasan Parlimen yang disebut sebagai Dewan Undangan Negeri (DUN); kemudian dipecahkan lagi kepada Daerah Mengundi (DM); dan unit kawasan pilihan raya yang terkecil ialah Lokaliti/Tempat Kediaman (L). Keempat-empat peringkat bahagian/kawasan persempadanan tersebut ditentukan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) melalui kajian semula persempadanan setiap antara 8-10 tahun. Kawasan/bahagian pilihan raya Parlimen dan DUN diwujudkan untuk memilih wakil rakyat di peringkat masing-masing; manakala Daerah Mengundi (DM) diwujudkan untuk memudahkan urusan pembahagian pemilih/pengundi untuk penetapan Pusat Pembuangan Undi; dan Lokaliti/Tempat Kediaman pula dibentuk untuk mengenalpasti/membedakan kedudukan tempat kediaman pemilih/pengundi antara satu kawasan dengan kawasan lain. Lokaliti juga merupakan unit terkecil dalam daerah mengundi. Pemecahan sesuatu lokaliti dalam urusan belah bahagi hendaklah dilakukan dengan tujuan untuk mengelakkan kesulitan pada pemilih/pengundi, bagi menentukan di dalam daerah mengundi manakah mereka berada.

Persempadanan bahagian Parlimen dan Dewan Undangan Negeri/DUN Malaysia dilakukan Suruhanjaya Pilihan Raya berlandaskan kepada rasionaliti jumlah pemilih, keluasan, sempadan kawasan dan aksesibiliti/ketersampaian yang dapat memudahkan wakil rakyat (ahli Parlimen/ahli Dewan Undangan Negeri) untuk berhubung dan berkhidmat kepada pengundi dengan mengambil kira pandangan awam melalui pameran, rayuan dan siasatan tempatan terhadap draf/cadangan persempadanan semula bahagian pilihan raya berdasarkan keadaan peta dan senarai daerah mengundi beserta jumlah pemilih/pengundi mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Hal ini untuk memastikan semua warganegara yang layak diberi peluang dan kemudahan untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai pengundi secara sistematik dan teratur bagi pilihan raya yang bebas, adil dan demokratik (Suruhanjaya Pilihan Raya 2003). Dalam sejarah pilihan raya di Malaysia sebanyak 6 kali proses persempadanan telah dilakukan iaitu pada tahun 1958, 1966, 1974, 1983, 1992, 2003. Persempadanan kawasan pilihan raya ini amat penting kerana selain daripada menentukan kawasan-kawasan yang perlu ada dalam pilihan raya ia juga bertujuan untuk memastikan tidak berlakunya ketidakseimbangan dalam sesuatu kawasan dan ini akan menyulitkan pentadbiran kerana setiap hari pertambahan penduduk akan terus berlaku terutama dikawasan bandar akibat daripada proses migrasi.

KONSEP GERRYMANDERING

Konsep ini diasaskan oleh seorang gabenor Massachusetts, Amerika Syarikat pada tahun 1812, beliau ialah Elbridge Gerry (1744-1814). Semasa pemerintahan beliau di wilayah itu pada tahun 1810-1812 beliau telah meluluskan satu dasar undang-undang berkaitan dengan persempadanan kawasan pilihan raya di wilayahnya yang memberi kelebihan kepada partinya iaitu parti

menghadkan kuasa pihak pembangkang keatas negeri Kelantan sahaja. Cara yang kedua ialah melalui 'Wasted Vote' iaitu tindakan bagi mengurangkan pengaruh pihak pembangkang dalam sesuatu kawasan dan menghalang pihak pembangkang memperolehi undi majoriti sebanyak yang boleh cara yang dilakukan ialah dengan memasukkan kawasan yang dijangka boleh dimenangi oleh pihak pemerintah kedalam kawasan yang dimenangi oleh parti pembangkang atau kawasan yang banyak undi parti pembangkang. Contohnya kawasan A sebuah kawasan ramai penduduk yang menyokong parti pembangkang manakala kawasan B pula lebih kepada parti pemerintah. Bagi memastikan parti pemerintah dapat memenangi kawasan A, penstrukturan baru dibuat iaitu dengan memasukan satu atau lebih bahagian dari kawasan B ke dalam kawasan A dan mengeluarkan satu bahagian atau lebih kawasan A kepada kawasan C. Tindakan ini akan membolehkan parti pemerintah memenangi pilihan raya akan datang dengan nisbah 1:2. Cara yang ketiga ialah melalui kaedah wang "*stacked*". Melalui kaedah ini kawasan yang jauh dari bandar akan dijadikan kubu untuk parti pemerintah mengekalkan kuasanya. Konsep ini boleh dikatakan seperti konsep 'hutang budi' dimana pihak pemerintah akan menggunakan kaedah wang bagi membangunkan dan memperbaiki kemudahan infrastruktur di kawasan luar bandar ini, biasanya masyarakat luar bandar akan berpegang kepada konsep 'balas budi'. Selain itu, mereka juga akan berpendapat sekiranya mereka tidak menyokong parti pemerintah tetapi menyokong parti pembangkang mereka akan menghadapi masalah kerana rata-rata penduduk luar bandar terdiri daripada penduduk miskin.

KAJIAN LEPAS

Ismail Kassim (1979) menyatakan hubungan antara proses persempadanan kawasan pilihan raya dengan kekuatan parti politik Melayu adalah saling berkaitan. Ini kerana di Malaysia masyarakat Melayu merupakan golongan yang paling ramai dan biasanya tinggal di suatu tempat di luar bandar. Oleh itu apabila satu parti pemerintah yang berkuasa boleh melakukan pemecahan kawasan bagi menjaga kepentingan orang Melayu dan juga kepentingan parti mereka. R.S Milne dan R.S Milne dan Diane K.Mauzy (1982) telah menyatakan bahawa UMNO sebagai parti pemerintah telah menggunakan satu kuasa bagi pengehadan terhadap pengaruh kumpulan bukan Melayu yang diwakilinya bermula pada tahun 1969 iaitu selepas tragedi 13 Mei yang mana telah menyebabkan Malaysia berada didalam keadaan darurat dan negara diperintah oleh MAGERAN (Majlis Gerakan Negara). Dalam menghadkan pengaruh kumpulan ini parti ini telah menggunakan beberapa cara iaitu pertama melalui pembentukan kerjasama antara kaum dan yang kedua ialah melalui "muslihat" iaitu melalui pengubahan sempadan kawasan pilihan raya atau sempadan politik, yang dikatakan mengubah sempadan pilihan raya ini ialah seperti membahagikan atau memecahkan kawasan yang dirasakan atau dilihat mampu untuk dikuasai oleh pihak pembangkang (orang bukan Melayu dan parti pembangkang). Lim Hong Hai (2003) dalam kajiannya mengenai kaitan antara persempadanan kawasan pilhan raya dengan pengukuhan kuasa UMNO telah mendapati sepanjang proses persempadanan yang telah dilakukan ianya tetap memberi keuntungan kepada parti UMNO di mana perwakilan parti ini di dalam Parlimen sentiasa melebihi 2/3. Ini dapat dibuktikan melalui pilihan raya yang dilakukan menunjukkan UMNO menjadi pilihan yang utama bagi orang Melayu. Walaupun dalam pilihan raya 1999 peratus sokongan terhadap parti ini sedikit menurun namun UMNO masih lagi menjadi *super power* kerana keterikatannya dalam Barisan Nasional.

Toh Kin Won (2003) yang telah membuat kajian tentang perubahan corak mengundi di kawasan Machang Bubuk antara tahun 1995 dan tahun 1999 telah mendapati dalam tahun 1995 corak pengundian adalah lebih berpihak kepada GERAKAN walaupun pada tahun tersebut, DAP telah mendapat 33 peratus undian. Namun GERAKAN masih memegang kuasa di Machang Bubuk kerana mendapat sokongan yang kuat daripada penduduk Melayu yang menjadi majoriti di kawasan ini. Namun pada tahun 1999 corak pengundi Melayu di kawasan ini telah berubah dimana parti GERAKAN telah mendapat persaingan daripada PKR, walaupun undian untuk parti GERAKAN semakin berkurangan namun ia masih mendapat sokongan daripada kumpulan etnik lain. Brown (2005) melihat kepada faktor etnik yang menjadi asas kepada persempadanan semula kawasan pilihan raya pada tahun 2003 dan corak pengundian dalam lima pilihan raya umum bermula pada tahun 1986 hingga 2004. Beliau membincangkan berkaitan dengan proses persempadanan semula yang mengurangkan bias etnik dalam kawasan pilihan raya tetapi sebaliknya meningkatkan ketidakseimbangan dalam saiz kawasan pilihan raya. Beliau juga berpendapat faktor etnik penting dalam mencorakkan sokongan kepada parti-parti politik yang bertanding. Ong Kian Ming (2005) mendapati persempadanan semula bahagian pilihan raya di Kedah tidak mengikut prinsip persempadanan yang mengambil kira sempadan pentadbiran pejabat tanah negeri, keseimbangan populasi dan nisbah pengundi antara bandar dan luar bandar. Persempadanan semula tersebut juga didapati menguntungkan seterusnya dapat memenangkan parti pemerintah (BN) pada pilihan raya umum akan datang apabila kemasukan DUN Gurun yang mempunyai pengundi yang beretnik campuran (asal dalam Parlimen Merbok, BN menang dengan majoriti 5233 undi dalam PRU 1999) ke dalam Parlimen Yan (dikenali sebagai Jerai selepas persempadanan 2003) (PAS menang dengan majoriti 182 undi dalam PRU 1999) dan juga kemasukan DUN Derga yang mempunyai pengundi majoriti etnik Cina (asal dalam Parlimen Alor Setar, BN menang dengan majoriti 5456 undi dalam PRU 1999) ke dalam Parlimen Pokok Sena (PAS menang dengan majoriti 3637 undi).

METODOLOGI DAN KAWASAN KAJIAN

Sumber data kajian diperolehi melalui dua sumber utama iaitu sumber primer dan sekunder. Data primer diperolehi melalui pemerhatian di lapangan dan temubual bersemuka terhadap responden di kawasan kajian untuk melihat perubahan landskap budaya politik, persepsi terhadap impak persempadanan semula bahagian pilihan raya dan keadaan fizikal ruang atau kawasan yang relevan. Sumber sekunder diperolehi melalui kaedah kepustakaan yang digunakan untuk mendapatkan data sekunder yang berkaitan data-data pilihan raya (score sheet/helaian mata keputusan pilihan raya mengikut saluran dan daerah mengundi) di kawasan kajian. Dalam artikel ini, kawasan DUN Kajang dan Bangi dipilih sebagai kajian kes bagi melihat pengaruh *gerrymandering* dalam persempadanan bahagian pilihan raya. Kedua-dua kawasan ini pada asalnya ialah satu kawasan yang terletak dalam DUN yang sama iaitu DUN Kajang, namun pada tahun 2002 iaitu pada tahun asas persempadanan semula bahagian pilihan raya kawasan DUN Kajang telah dibahagikan kepada dua iaitu DUN Kajang dan DUN Bangi.


Kawasan DUN Kajang (N.25) sebelum persempadanan semula iaitu pada 1994 ialah 85 km persegi dengan 23,634 orang pemilih (1994) (Suruhanjaya Pilihan Raya 1994) namun selepas persempadanan semula bahagian pilihan raya 2003, ia mengecil kepada 39.56 km persegi dengan 25,419 orang pemilih (2003). DUN Kajang terletak dalam kawasan Parlimen Hulu Langat yang turut mengandungi DUN Semenyih dan DUN Dusun Tua (Rujuk Rajah 2). Dari segi geografi,

DUN Kajang terletak di 98° utara, 101.77° timur dan boleh dihubungkan melalui jalan raya dan jalan keretapi. Pada tahun persempadanan kawasan pilihan raya 1994, kawasan DUN Kajang masih kekal dalam kawasan Parlimen Hulu Langat. Setelah persempadanan semula bahagian pilihan raya 1994 diluluskan di Parlimen, proses belah bahagian yang dilakukan oleh SPR untuk PRU 1995 bagi memudahkan urusan pembuangan undi iaitu dengan mewujudkan pusat-pusat mengundi baru. Dalam hal tersebut, daerah mengundi Bandar Baru Bangi telah dipecahkan lagi kepada daerah mengundi Seksyen 1 & 2 Bandar Baru Bangi (BBB); Seksyen 3, 4 dan 5 Bandar Baru Bangi; dan Seksyen 6 Bandar Baru Bangi. Hasilnya, DUN Kajang meliputi daerah-daerah mengundi iaitu Cheras Utara, Sungai Sekamat, Taman Mesra, Sungai Kantan, Taman Kajang Baharu, Kajang, Reko, Sungai Tangkas, Kampung Baharu, Seksyen 1 & 2 Bandar Baru Bangi (BBB), Seksyen 3, 4 dan 5 Bandar Baru Bangi dan Seksyen 6 Bandar Baru Bangi. Namun pada tahun persempadanan baru kawasan pilihan raya 2003, kawasan DUN Kajang ini telah dirombak dan kawasannya telah dibahagi kepada dua bahagian iaitu DUN Kajang dan sebahagiannya lagi menjadi kawasan DUN Bangi. Antara kawasan yang kekal menjadi kawasan DUN Kajang dan digunapakai dalam PRU 2004 ialah Cheras Utara, Sungai Sekamat, Saujana Impian (pecahan daerah mengundi Taman Mesra), Taman Mesra, Sungai Kantan, Taman Kajang Baharu, Kajang dan Sungai Chua 1, 2, 3, 4 dan 5 (asal daripada DUN Balakong, Serdang) (Suruhanjaya Pilihan Raya 2003). Kemudian bagi PRU 2008, hasil belah bahagian daerah mengundi oleh SPR telah mewujudkan beberapa daerah mengundi baru iaitu Bandar Kajang (pecahan daerah mengundi Kajang), Taman Delima (pecahan daerah mengundi Sungai Sekamat), dan Kantan Permai (pecahan daerah mengundi Sungai Kantan). Pada dasarnya Kajang terdiri dari beberapa penempatan majoriti Melayu iaitu di Sungai Sekamat, Sungai Kantan; penempatan kaum Cina di Kajang (bandar) dan Sungai Chua 1-5; kawasan taman perumahan yang mempunyai campuran etnik di Taman Mesra, Saujana Impian dan Taman Kajang Baharu; serta mempunyai etnik minoriti iaitu India di Cheras Utara, Taman Kajang Baharu dan Sungai Sekamat. Jumlah pemilih berdaftar (2008) dalam DUN Kajang ialah seramai 29,868 orang dengan 46.6 peratus etnik Melayu, 44.1 peratus Cina dan 8.7 peratus India.


DUN Bangi (N. 26) pula wujud selepas persempadanan semula 2003 melalui pecahan DUN Kajang, Beranang dan Dengkil dengan keluasan 66.64 km persegi dengan 26,341 orang pemilih (2003). Ia terletak dalam kawasan Parlimen Serdang yang turut mengandungi DUN Balakong dan DUN Seri Kembangan (Rujuk Rajah 2). DUN Bangi merupakan salah sebuah kawasan di negeri Selangor yang mempunyai jumlah penduduk yang ramai, ini adalah kerana kawasan ini sedang pesat membangun sebagai sebuah kawasan perindustrian yang banyak memberikan peluang pekerjaan kepada ramai penduduk Malaysia. DUN Bangi terletak lebih kurang 30 kilometer dari Kuala Lumpur dan kawasan ini sering menjadi pilihan untuk tempat tinggal bagi mereka yang bekerja di Kuala Lumpur. Antara kawasan-kawasan yang membentuk DUN Bangi bagi PRU 2004 ialah Sungai Tangkas, Reko, Sungai Ramal Luar, Sungai Ramal Dalam, Bangi, Seksyen 3,4 dan 5 Bandar Baru Bangi (BBB), Seksyen 1 dan 2 Bandar Baru Bangi dan Seksyen 6 Bandar Baru Bangi (Suruhanjaya Pilihan Raya 2003). Seterusnya bagi PRU 2008, hasil belah bahagian daerah mengundi oleh SPR telah mewujudkan beberapa daerah mengundi baru iaitu Taman Bukit Mewah (pecahan daerah mengundi Sungai Tangkas), Taman Jasmin (pecahan daerah mengundi Sungai Tangkas), Taman Kajang Utama (pecahan daerah mengundi Sungai Tangkas), Reko Utara (pecahan daerah mengundi Reko), Reko Selatan (pecahan daerah mengundi Reko), Seksyen 1 BBB (pecahan daerah mengundi Seksyen 1&2 BBB), Seksyen 2 BBB (pecahan daerah mengundi Seksyen 1&2 BBB), Seksyen 3 BBB (pecahan daerah mengundi Seksyen 3,4&5 BBB), Seksyen 4 (pecahan daerah mengundi Seksyen

3,4&5 BBB), Seksyen 5 (pecahan daerah mengundi Seksyen 3,4&5 BBB), Taman Kajang (pecahan daerah mengundi Seksyen 6 BBB), Bandar Mahkota (pecahan daerah mengundi Bangi) dan UKM (pecahan daerah mengundi Seksyen 1&2 BBB). Kawasan ini ialah satu kawasan penempatan yang mana majoriti penduduknya ialah orang Melayu iaitu di Sungai Ramal Luar, Sungai Ramal Dalam, Seksyen 3,4 dan 5 Bandar Baru Bangi, Seksyen 1 dan 2 Bandar Baru Bangi dan Seksyen 6 Bandar Baru Bangi namun bermajoriti etnik Cina di Reko dan kawasan campuran di Sungai Tangkas dan Bangi. Jumlah pengundi berdaftar di DUN Bangi pada pilihan raya umum 2008 ialah seramai 35,898 orang dengan 64.5 peratus etnik Melayu, 21.2 peratus Cina dan 13.8 peratus India.

Peta Persempadanan Bahagian Pilihan Raya Kajang 1994



Peta Persempadanan Bahagian Pilihan Raya Kajang dan Bangi 2003



Rajah 2. Peta Perbandingan Lokasi DUN Kajang dan Bangi antara Tahun 1994 dengan 2003 (Sumber: Dipadankan daripada Lembaran Peta Persempadanan Bahagian Pilihan Raya Negeri Selangor 1994 dan 2003)

IMPAK PERSEMPADANAN SEMULA BAHAGIAN PILIHAN RAYA

Persempadanan semula bahagian pilihan raya 2003 di kawasan DUN Kajang memberi implikasi kepada 6 aspek, iaitu pertama ialah pertambahan dan pengurangan (perubahan) bilangan pemilih di kedua-dua kawasan DUN; kedua perubahan bilangan pemilih mengikut kaum; ketiga dari segi pertambahan kerusi DUN/konstituensi; dan keempat ialah kesan persempadanan ini kepada keputusan pilihan raya iaitu kebolehan parti-parti yang bertanding untuk memenangi pilihan raya. Persempadanan semula tersebut juga telah meninggalkan kesan yang jelas terhadap keputusan PRU 2004 iaitu memberi kelebihan kepada BN namun pada PRU 2008 adalah sebaliknya.

a) Perubahan Bilangan Pemilih Secara Keseluruhan

Perubahan bilangan pemilih merujuk kepada pertambahan dan pengurangan bilangan pemilih mengikut daerah mengundi. Sehingga 9 Februari 1995, bagi DUN Kajang ialah seramai 26,876 orang (Buku Statistik Kaum, Daftar Pilihan Raya Umum ke 10, 1995). Selepas berlakunya persempadanan semula bahagian pilihan raya pada tahun 2003 didapati bilangan pemilih di DUN Kajang sehingga 2 Mac 2004 ialah seramai 26,984 orang (Buku Statistik kaum, daftar Pilihan Raya Umum ke 11, 2004). Berdasarkan daripada data tersebut didapati bilangan pemilih bagi DUN Kajang pada tahun 2004 telah meningkat seramai 108 orang pemilih meskipun beberapa daerah mengundi dalam DUN ini iaitu Reko, Sungai Tangkas, Bandar Baru Bangi Seksyen 1-6 (jumlah pemilihnya ialah seramai 20,059 orang) telah dipecahkan dan dimasukkan menjadi DUN baru iaitu DUN Bangi. Namun begitu bagi menampung kekurangan bilangan pemilih tersebut, DUN Kajang telah dimasukkan 5 daerah mengundi dari DUN Balakong iaitu Sungai Chua 1-5 yang mempunyai bilangan pemilih seramai 9919 orang (Buku Statistik kaum, daftar Pilihan Raya Umum ke 11, 2004). DUN Bangi pula telah menerima tiga lagi daerah mengundi dari DUN lain iaitu Sungai Ramal Luar (20,139 orang pemilih) dan Sungai Ramal Dalam (1050 orang pemilih) dari DUN Balakong dan Bangi (2,913 orang pemilih) dari DUN Beranang. Hal ini menjadikan bilangan pemilih di DUN Bangi ialah seramai 28,317 orang. Secara keseluruhannya, analisis menunjukkan berlaku perubahan jumlah pemilih antara tahun 1995 dengan 2003 (peningkatan 108 orang pemilih) yang disebabkan oleh kewujudan DUN baru iaitu DUN Bangi. Namun demikian, kekurangan pemilih di DUN Kajang dapat ditampung dengan kemasukan daerah-daerah mengundi Sungai Chua 1-6 (6 daerah mengundi). Bagi DUN Bangi yang baru diwujudkan pula, kemasukan daerah-daerah mengundi Sungai Ramal Dalam dan Sungai Ramal Luar (asal daripada DUN Balakong) dan Bangi (asal daripada DUN Beranang) dapat menyeimbangi jumlah pemilih dengan DUN Kajang seterusnya membentuk keluasan kawasan pentadbiran yang agak seimbang antara DUN Kajang dengan DUN Bangi dari segi jumlah pemilih dan tahap urbanisasi kedua-dua kawasan.

b) Perubahan Bilangan Pemilih Mengikut Kaum

Jika dilihat daripada segi kaum pula didapati di DUN Kajang sehingga 9 Februari 1995, bilangan pemilih Melayu ialah seramai 14,689 orang namun selepas kajian semula persempadanan baru dibuat, bilangan pemilih Melayu di DUN ini telah berkurangan sebanyak 2841 orang iaitu kepada 11,848 orang pemilih sahaja (sehingga 2 Mac 2004). Ini kerana daerah mengundi yang majoritinya pemilih etnik Melayu iaitu Seksyen 1-6 Bandar Baru Bangi telah dikeluarkan dan

dimasukkan ke dalam DUN Bangi. Bagi bilangan pemilih Cina pula didapati bahawa pada 9 Februari 1995, bilangan pemilih etnik ini ialah 8613 orang dan pada 2 Mac 2004 pula bilangan pemilih etnik ini di DUN Kajang ialah 12,763 orang yang mana telah menunjukkan peningkatan yang amat drastik iaitu sebanyak 4150 orang bilangan pemilih. Bagi pemilih etnik India pula pada 9 Februari 1995, bilangannya ialah 3574 orang namun pada 2 Mac 2004 bilangan pemilih ini telah berkurangan sebanyak 1365 orang iaitu kepada 2209 orang. Sebagai kesimpulannya, persempadanan bahagian pilihan raya 2003 (berbanding Pilihan Raya Umum/PRU 1999) telah menyebabkan berlakunya pengurangan bilangan etnik Melayu dan India di DUN Kajang tetapi berlaku peningkatan bilangan pemilih etnik Cina yang amat drastik (Lihat Jadual 1). Pengurangan pemilih Melayu di DUN Kajang selepas persempadanan semula 2003 menyebabkan DUN Kajang menjadi DUN yang mempunyai komposisi etnik campuran yang dilihat sebagai usaha pengukuhan geopolitik BN yang mempunyai kekuatan di kawasan campuran terutamanya di kawasan tersebut. Bagi DUN Bangi pula, didapati tidak banyak perubahan peratusan pemilih mengikut etnik antara PRU 2004 dengan PRU 2008 (Lihat Jadual 2). Justeru, persempadanan semula 2003 telah mempengaruhi komposisi etnik di DUN Kajang iaitu berlakunya peningkatan pemilih etnik Cina yang pada ketika itu (1999 dan 2004) memberi kelebihan kepada BN dan ini selaras dengan dapatan kajian oleh Brown (2005) yang menyatakan faktor etnik yang menjadi asas kepada persempadanan semula kawasan pilihan raya pada tahun 2003 dan corak pengundian dalam lima pilihan raya umum bermula pada tahun 1986 hingga 2004.

Jadual 1. Perbandingan peratusan pemilih berdasarkan kepada etnik mengikut tahun Pilihan Raya Umum di DUN Kajang

Tahun/Etnik	Melayu	Cina	India	Lain-lain	Jumlah
1995	54.7%	32.1%	13.3%	0.0%	100%
1999	57.4%	35.3%	7.1%	0.2%	100%
2004	43.9%	47.5%	8.0%	0.6%	100%
2008	46.6%	44.1%	8.7%	0.6%	100%

Sumber: Buku Laporan Statistik Kaum, Daftar Pemilih Pilihan Raya Umum 1995, 1999, 2004 dan 2008

Jadual 2. Perbandingan peratusan pemilih berdasarkan kepada etnik mengikut tahun Pilihan Raya Umum di DUN Bangi

Tahun/Etnik	Melayu	Cina	India	Lain-lain	Jumlah
2004	64.6%	21.0%	13.7%	0.7%	100%
2008	64.5%	21.2%	13.8%	0.5%	100%

Sumber: Buku Laporan Statistik Kaum, Daftar Pemilih Pilihan Raya Umum 2004 dan 2008

c) Perubahan Kedudukan dan penambahan serta pengurangan Daerah Mengundi

Persempadanan baru kawasan pilihan raya 2003 telah menyebabkan kedudukan daerah-daerah mengundi dalam DUN Kajang berubah. Perubahan daerah-daerah mengundi dalam DUN Kajang menyebabkan kawasannya telah dibahagi kepada dua bahagian DUN iaitu DUN Kajang dan sebahagiannya lagi menjadi kawasan DUN Bangi. Antara kawasan yang kekal menjadi kawasan DUN Kajang dan digunakan dalam PRU 2004 ialah Cheras Utara, Sungai Sekamat, Saujana Impian (pecahan daerah mengundi Taman Mesra), Taman Mesra, Sungai Kantan, Taman Kajang Baharu, Kajang; manakala Sungai Chua 1, 2, 3, 4 dan 5 pula berasal daripada DUN Balakong, Serdang, turut dimasukkan ke dalam DUN Kajang (Suruhanjaya Pilihan Raya 2003). Antara kawasan-kawasan yang asalnya daripada DUN Kajang yang membentuk DUN Bangi bagi PRU 2004 ialah Sungai Tangkas, Reko, Seksyen 3,4 dan 5 Bandar Baru Bangi (BBB), Seksyen 1 dan 2 Bandar Baru Bangi dan Seksyen 6 Bandar Baru Bangi (Suruhanjaya Pilihan Raya 2003). Kawasan daerah mengundi lain yang turut dimasukkan ke dalam kawasan DUN Bangi ialah Bangi (berasal daripada DUN Beranang); dan Sungai Ramal Dalam serta Sungai Ramal Luar (berasal daripada DUN Balakong, Serdang). Perubahan kedudukan dan penambahan daerah mengundi dalam DUN Kajang dan Bangi menjadikan keluasan serta jumlah pemilih antara kedua-dua DUN tersebut agak seimbang di samping memudahkan urusan khidmat wakil rakyat untuk menyelesaikan permasalahan rakyat setempat dari segi komunikasi dan logistik.

d) Pertambahan Kerusi DUN/Konstituensi

Dalam membuat kajian persempadanan, terdapat beberapa peraturan yang perlu diikuti dan dititikberatkan oleh SPR antaranya ialah tempoh sesuatu kajian itu perlu dilakukan; penentuan bilangan bahagian pilihan raya; penentuan bilangan pemilih; faktor perwajaran 'weightage' bagi kawasan luar bandar; dan keadaan masyarakat. Kesemua peraturan ini amat perlu dititikberatkan kerana ia akan memastikan sesuatu pilihan raya itu berjalan dengan adil atau tidak.

Oleh itu, besar atau kecilnya kawasan pilihan raya dan cara persempadanan itu akan ditentukan oleh perlembagaan dan ini boleh didapati dalam jadual ketigabelas Perlembagaan Persekutuan. Menurut jadual tersebut, terdapat empat prinsip yang perlu dipatuhi semasa atau dalam menentukan dan menyemak semula sempadan-sempadan kawasan pilihan raya, sama ada kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) ataupun kawasan Dewan Rakyat (Parlimen).

- 1) Suatu kawasan pilihan raya itu hendaklah mempunyai sempadan kawasan dan perlu dijelaskan segala kesukaran sekiranya kawasan pilihan raya Dewan Undangan Negeri melintasi sempadan kawasan pilihan raya Dewan Rakyat.
- 2) Hendaklah dipertimbangkan segala segala kesenangan dan kemudahan yang ada untuk menjalankan urusan pendaftaran pengundi.
- 3) Jumlah pengundi di tiap-tiap kawasan pilihan raya itu hendaklah hampir sama di seluruh negeri kecuali di kawasan luar bandar. Oleh kerana kawasan luar bandar tidak sama dengan kawasan bandar, maka cara majoriti undi hendaklah dilakukan dan dengan cara ini dibolehkan untuk menjadikan di suatu kawasan pilihan raya luar bandar mempunyai bilangan pengundi separuh daripada bilangan pengundi di kawasan bandar.
- 4) Hendaklah dipertimbangkan segala kesukaran yang akan timbul apabila kawasan pilihan raya itu ditukar dan juga betapa mustahaknya mengekalkan perhubungan tiap-tiap seorang dengan tempatnya (Salleh Buang 1997).

Dalam menentukan bilangan bahagian kawasan pilihan raya di Malaysia terdapat beberapa faktor yang akan mempengaruhi sesuatu kajian iaitu:

- 1) Keadaan Geografi dan Topografi sesuatu kawasan berkenaan.
- 2) Tahap pembangunan kawasan-kawasan yang terlibat.
- 3) Keadaan Demografi dan kepadatan penduduk.
- 4) Kemudahan asas yang perlu seperti jalan raya dan alat komunikasi yang lain.
- 5) Pelbagai prinsip yang perlu dipatuhi sebagaimana yang telah digariskan dalam Jadual Ketiga Belas Perlembagaan.
- 6) Kemampuan Kerajaan Negeri (khusus dari segi kerusi negeri) untuk menampung kos yang terlibat dengan penambahan kerusi DUN. (Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia 2003)

Bagi persempadanan semula kawasan pilihan raya DUN Kajang, setelah mendapat kelulusan majoriti 2/3 ahli Dewan Rakyat dan perkenan Yang Dipertuan Agong, kawasan DUN Kajang dibahagikan kepada 2 kawasan DUN iaitu DUN Kajang dan DUN Bangi. Kewujudan DUN baru iaitu DUN Bangi dilihat dapat memberi kemudahan kepada wakil rakyat yang dipilih supaya dapat berkhidmat dengan efisien dan berkesan, bersesuaian dengan jumlah pemilih dan keluasan kawasan yang telah ditetapkan tersebut. Kewujudan kerusi DUN Bangi juga telah menggantikan kerusi DUN Puchong yang dikeluarkan daripada Parlimen Serdang dan dinaiktaraf menjadi kawasan Parlimen baru iaitu Parlimen Puchong yang mengandungi DUN Seri Serdang dan DUN Kinrara. Dari perspektif lain, kewujudan DUN Bangi sebagai DUN baru di daerah Hulu Langat (persempadanan pentadbiran Pejabat Tanah dan Daerah) dan Parlimen Serdang (persempadanan bahagian pilihan raya) dilihat dapat mengukuhkan geopolitik orang Melayu kerana sebelum ini (1982-1995) DUN Kajang diwakili oleh wakil rakyat yang berbangsa Cina. Kewujudan kerusi DUN baru (Bangi) ini juga dapat membawa suara politik orang Melayu dalam persidangan Dewan Undangan Negeri Selangor kelak. Dapatan ini bertepatan dengan hasil kajian Ismail Kassim (1979); R.S Milne & Diane K.Mauzy (1982); dan Lim Hong Hai (2003) yang menyatakan hubungan antara proses persempadanan kawasan pilihan raya dengan kekuatan parti politik Melayu adalah saling berkaitan dan mempunyai pengaruh kuat dalam menentukan kawasan pilihan raya baru di sesuatu kawasan.

e) Perubahan Kedudukan dalam Kawasan Parlimen

Keluasan kawasan DUN Kajang (N.25) sebelum persempadanan semula iaitu pada 1994 ialah 85 km persegi (Suruhanjaya Pilihan Raya 1994) namun selepas persempadanan semula bahagian pilihan raya 2003, ia mengecil kepada 39.56 km persegi (Suruhanjaya Pilihan Raya 2003). Sebelum persempadanan semula iaitu pada 1994, DUN Kajang terletak dalam kawasan Parlimen Hulu Langat yang turut mengandungi DUN Semenyih dan DUN Dusun Tua, kemudian setelah selesai proses persempadanan semula, DUN Kajang masih kekal dalam kawasan Parlimen Hulu Langat namun dengan keluasan yang semakin menyusut (85 km persegi pada tahun 1994 kepada 39.56 km persegi. Namun demikian bagi kawasan DUN Bangi yang sebahagian besarnya berasal daripada DUN Kajang, telah dipindahkan ke dalam kawasan Parlimen Serdang yang mengandungi DUN Balakong dan DUN Seri Kembangan. DUN Puchong yang asalnya dalam kawasan Parlimen Serdang dinaiktaraf menjadi kawasan Parlimen baru iaitu Parlimen Puchong yang mengandungi DUN Seri Serdang dan DUN Kinrara. Kemasukan DUN Bangi ke dalam kawasan Parlimen Serdang dapat menyertakan wakil rakyat berbangsa Melayu dalam kawasan Parlimen tersebut kerana sebelum persempadanan 2003, 3 orang wakil rakyat daripada 4

keseluruhannya iaitu Parlimen Serdang, DUN Balakong, Seri Kembangan (kecuali DUN Puchong yang diwakili oleh pemimpin berbangsa Melayu, dikeluarkan daripada Parlimen Serdang) diwakili oleh pemimpin yang berbangsa Cina. Kemasukan DUN Bangi ke dalam kawasan Parlimen Serdang dapat menggantikan DUN Puchong yang dikeluarkan dari kawasan Parlimen Serdang dan dijadikan kawasan Parlimen baru iaitu Parlimen Puchong. Hal demikian dapat mengekalkan kuasa geopolitik orang Melayu dalam Parlimen Serdang kerana DUN Puchong yang diwakili pemimpin Melayu telah dikeluarkan daripada kawasan Parlimen Serdang dan dinaik taraf sebagai kawasan Parlimen baru iaitu Parlimen Puchong.

f) Kesan Persempadanan Terhadap Keputusan Pilihan Raya

Jika dilihat kesan persempadanan semula bahagian pilihan raya 2003 terhadap keputusan pilihan raya 2004, didapati bahawa sokongan pengundi terhadap BN telah meningkat antara PRU 1999 dengan PRU 2004. Jumlah pengundi yang telah mengundi BN dalam PRU 1999 di DUN Kajang ialah 10,885 undi manakala dalam PRU 2004 di DUN Kajang bilangan undi yang memilih BN ialah 11,380 undi iaitu meningkat sebanyak 495 undi. Bagi parti pembangkang pula pada PRU 1999 yang diwakili oleh PAS telah mendapat undi sebanyak 10,922 undi, namun pada PRU 2004 iaitu parti pembangkang yang diwakili oleh PKR di DUN ini hanya mendapat 8507 undi sahaja iaitu berlaku penyusutan undi yang besar iaitu sebanyak 2415 undi. Di DUN Bangi pula pada PRU 2004 telah menyaksikan BN menang besar iaitu dengan undi sebanyak 12,563 undi berbanding PAS yang hanya mendapat 8855 undi sahaja (majoriti kemenangan BN sebanyak 3708 undi) (Rujuk Jadual 3 dan 4). Hal ini jelas menunjukkan bahawa selepas persempadanan bahagian pilihan raya bagi DUN Kajang dan DUN Bangi, BN telah menang besar di mana dalam pilihan raya ini. Pengundi Melayu (mengikut majoriti etnik bagi kawasan-kawasan Daerah Mengundi) di DUN Kajang telah memberi undi mereka kepada calon bukan Melayu BN (5520 undi) dan majoriti antara mereka tidak mengundi calon bukan Melayu daripada parti pembangkang yang hanya mendapat 3758 undi. Hal ini adalah disebabkan oleh mereka menganggap bahawa walaupun calon yang bertanding adalah bukan Melayu yang mewakili BN namun faktor pemimpin utama BN adalah daripada parti Melayu UMNO serta semangat permuafakatan antara parti-parti komponen BN dapat menjamin kepentingan orang Melayu di kawasan ini.

Bagi DUN Bangi pula didapati kemasukan daerah-daerah mengundi seperti Sungai Ramal Luar, Sungai Ramal Dalam (DUN Balakong) dan Bangi (DUN Beranang) telah memberikan kelebihan kepada BN (UMNO) untuk menguasai DUN ini. Hal ini demikian kerana ketiga-tiga kawasan tersebut ialah kawasan yang majoritinya ialah Melayu dan pada tahun PRU 1999 juga kawasan ini merupakan kubu kuat BN yang mana daerah mengundi Sungai Ramal Dalam dan Sungai Ramal Luar telah menyumbangkan undi kepada BN sebanyak 1102 berbanding parti pembangkang iaitu DAP yang mendapat 963 undi. Pada PRU 2004 iaitu selepas persempadanan semula bahagian pilihan raya, dua daerah mengundi ini telah memberikan BN undi sebanyak 1676 undi berbanding calon PAS yang mendapat 1109 undi. Bagi daerah mengundi Bangi pula yang dibawa masuk daripada DUN Beranang pada PRU 1999 BN telah mendapat undi sebanyak 1138 undi berbanding PAS yang hanya mendapat 652 undi sahaja. Dalam PRU 2004 pula, daerah mengundi ini telah memberikan BN undi sebanyak 1651 undi berbanding PAS yang hanya mendapat 676 undi sahaja (Rujuk Jadual 4). Kewujudan DUN Bangi ini dapat memberikan kuasa politik/geopolitik kepada orang Melayu di dalam Parlimen Serdang. Justeru, persempadanan semula bahagian pilihan raya DUN Kajang telah memberi

kelebihan kepada parti pemerintah iaitu BN pada PRU 2004 yang mempunyai kelebihan/kekuatan di kawasan campuran (DUN Kajang) dan menang (UMNO) di DUN Bangi yang mempunyai pengundi Melayu yang majoritinya menyokong mereka sekaligus mengiyakan konsep *gerrymandering* dalam persempadanan semula kawasan pilihan raya tersebut. Namun demikian, impak *gerrymandering* tersebut hanya bertahan untuk satu penggal pilihan raya (2004) kerana pada PRU 2008, BN tewas kepada PKR (di DUN Kajang) dan PAS (di DUN Bangi) hasil daripada ‘tsunami politik’ iaitu peralihan undi (swing vote) yang tinggi oleh pengundi bukan Melayu (Cina dan India) kepada PKR dan PAS. BN tewas di kesemua kawasan daerah mengundi majoriti kaum Cina serta kawasan campuran dengan majoriti yang besar (Rujuk Jadual 3 dan 4).

Jadual 3. Perbandingan keputusan Pilihan Raya Umum (PRU) 1995-2008 di DUN Kajang antara BN dengan Parti-Parti Pembangkang (PAS dan PKR)

Parti PRU	BN				PAS(1999)/PKR(2004-2008)			
	1995	1999	2004	2008	1995	1999	2004	2008
Daerah Mengundi dan etnik								
Cheras Utara (campuran)	1038	837	1520	1243	405	963	989	1534
Sungai Sekamat (Melayu)	1066	917	1448	1347	425	1023	865	1304
Saujana Impian (campuran)	-	-	256	397	-	-	219	446
Taman Mesra (campuran)	583	516	932	379	254	645	751	555
Sungai Kantan (Melayu)	820	544	1364	858	433	933	934	632
Taman Kajang Baharu (Cina)	710	601	794	734	270	483	451	1142
Kajang (Cina)	1169	1027	807	589	209	457	641	882
Reko (campuran)	1685	1617	-	-	388	813	-	-
Sungai Tengkas (campuran)	1671	1560	-	-	414	995	-	-
Kampung Baharu (Cina)	1316	1284	-	-	425	620	-	-
Seksyen 3,4&5 BBB (Melayu)	974	412	-	-	938	1097	-	-
Seksyen 1&2 BBB (Melayu)	656	612	-	-	479	1711	-	-
Seksyen 6 BBB (Melayu)	944	-	-	-	569	-	-	-
Sungai Chua 1 (Cina)	-	-	1285	832	-	-	1289	1789

Sungai Chua 2 (Cina)	-	-	1085	595	-	-	985	1323
Sungai Chua 3 (Cina)	-	-	258	176	-	-	314	411
Sungai Chua 4 (Cina)	-	-	319	209	-	-	382	493
Sungai Chua 5 (Cina)	-	-	696	459	-	-	667	1029
Taman Delima (campuran)	-	-	-	441	-	-	-	542
Kantan Permai (campuran)	-	-	-	577	-	-	-	695
Bandar Kajang (campuran)	-	-	-	291	-	-	-	397
Undi Pos	319	258	616	834	31	47	20	46
JUMLAH	12,976	10,885	11,380	9952	5271	10,922	8507	13,220

(Sumber: Diubahsuai daripada Buku Helaian Mata/Score Sheet Keputusan Pilihan Raya Umum 1995-2008 Negeri Selangor)

(Bernombor gelap adalah menang)

Jadual 4. Perbandingan keputusan Pilihan Raya Umum (PRU) 2004-2008 di DUN Bangi antara BN dengan Parti Pembangkang (PAS)

Parti	BN		PAS	
	2004	2008	2004	2008
PRU				
Daerah Mengundi dan Etnik				
Sungai Tengkas (campuran)	3007	-	1331	-
Taman Jasmin (campuran)	-	406	-	735
Taman Kajang Utama (Cina)	-	411	-	724
Taman Bukit Mewah (Cina)	-	1489	-	2155
Reko (campuran)	1899	-	724	-
Reko Utara (campuran)	-	301	-	500
Reko Selatan (Cina)	-	652	-	1166
Sungai Ramal Luar (Melayu)	1142	1079	747	1055
Sungai Ramal Dalam (Melayu)	534	620	362	555
Seksyen 3,4&5 BBB (Melayu)	1806	-	1871	-
Seksyen 3 BBB (Melayu)	-	422	-	1034
Seksyen 4 BBB (Melayu)	-	532	-	1199
Seksyen 5 BBB (Melayu)	-	688	-	915
Seksyen 6 BBB (Melayu)	1159	988	1166	1559
Seksyen 1&2 BBB (Melayu)	1275	-	1950	-
Seksyen 1 BBB (Melayu)	-	810	-	1512
Seksyen 2 BBB (Melayu)	-	349	-	864
Bangi (campuran)	1651	1102	676	1274
Taman Kajang (Cina)	-	621	-	1334
Bandar Mahkota (campuran)	-	167	-	307
UKM (Melayu)	-	241	-	274
Undi Pos	90	131	28	39

JUMLAH	12,563	11,009	8855	17,201
--------	--------	--------	------	--------

(Sumber: Diubahsuai daripada Buku Helaian Mata/Score Sheet Keputusan Pilihan Raya Umum 2004-2008 Negeri Selangor)

(Bernombor gelap adalah menang)

Justeru, dapatan kajian ini (untuk PRU 2004) selari dengan kajian Lim Hong Hai (2003); Toh Kin Won (2003); Brown (2005); dan Ong Kian Ming (2005) iaitu persempadanan semula bahagian pilihan raya oleh pemerintah sepastinya memberi kelebihan kepada Parti Pemerintah melalui konsep *gerrymandering* dengan cara mengubah sempadan berdasarkan komposisi etnik dan lokasi geografi (bandar/luar bandar) agar memberi kelebihan kepada Parti Pemerintah untuk memenangi pilihan raya umum akan datang. Namun untuk PRU berikutnya iaitu pada tahun 2008, konsep/kaedah *gerrymandering* ini tidak lagi relevan dalam mempengaruhi keputusan pilihan raya untuk memihak kepada Parti Pemerintah kerana faktor hempasan ‘tsunami politik’ yang dijana oleh faktor isu semasa, faktor ketidaktelusan dan ketidakbolehpercayaan terhadap pemerintah yang sedia ada, faktor ekonomi, faktor perkauman dan faktor setempat telah mendominasi pola dan pilihan politik pengundi, khususnya etnik Cina dan India yang telah ‘menenggelamkan’ status quo dan hegemoni politik BN yang berteraskan politik pembangunan dan faktor 3M (Money, Media & Machinery).

POLA PENGUNDIAN

Pola pengundian di DUN Kajang dan Bangi dalam PRU 1995-2008 dipengaruhi oleh isu dan sentimen nasional. Pola pengundian pada PRU 1995 memberi kelebihan kepada BN dengan berlakunya ‘swing vote’ untuk BN sebanyak 11.8 peratus berbanding PRU 1990 yang berfaktorkan kepada dasar liberalisasi ekonomi yang diperkenalkan oleh Dato’ Seri Dr. Mahathir Mohamad (kini Tun) serta keadaan ekonomi yang stabil. Kemudian pada PRU 1999, keadaan berlaku sebaliknya iaitu ‘swing vote’ berpihak kepada parti-parti pembangkang sebanyak 8.7 peratus yang berpunca daripada faktor sokongan dan simpati pengundi terutamanya pengundi Melayu terhadap Dato’ Seri Anwar Ibrahim yang dipecat daripada UMNO dan Kabinet Kerajaan Malaysia. Seterusnya pada PRU 2004, pengunduran Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri dan perlantikan Dato’ Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai pengganti beliau memberi kelebihan kepada BN dengan berlakunya lonjakan undi ‘swing vote’ kepada BN sebanyak 7.4 peratus dengan ‘mandat besar, harapan besar’ pengundi untuk melihat perubahan dalam governans dan gaya pemerintahan yang berlandaskan kepada ketelusan dan toleransi. Berikutnya pada PRU 2008, berlaku ‘tsunami politik’ yang menuntut perubahan kepada pemerintahan negara secara total (terutamanya oleh pengundi Cina dan India) serta ketidakpercayaan sistem kehakiman dan perekonomian yang adil kepada semua tanpa mengira kaum/etnik dengan anjakan ‘swing vote’ kepada parti-parti pembangkang (kini Pakatan Rakyat) sebanyak 10.7 peratus yang menyaksikan BN hilang penguasaan majoriti 2/3 di Dewan Rakyat sebaliknya hanya menang dengan majoriti mudah seterusnya tewas di 4 buah negeri iaitu Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Selangor.

Selepas persempadanan semula bahagian pilihan raya 2003, kawasan DUN Kajang merupakan salah satu kawasan yang pengundinya merupakan pengundi yang *multiracial* atau pelbagai kaum yang agak seimbang. Hal ini demikian kerana 47.30 peratus adalah pengundi Cina, 43.91 peratus adalah pengundi Melayu dan 8.19 peratus adalah pengundi berbangsa India manakala 0.23 peratus pula ialah pengundi daripada bangsa lain. Pada pilihan raya umum 1999,

DUN Kajang ditandingi oleh Dr. Shafie Abu Bakar yang mewakili PAS, menang dengan majoriti 37 undi. Kemudian setelah persempadanan semula bahagian pilihan raya dilakukan pada tahun 2003 yang disusuli pula dengan PRU 2004, kawasan tersebut dimenangi pula oleh calon BN yang diwakili oleh Low Lee Leng dengan majoriti 2873 undi. Perubahan pola pengundian ini dapat dilihat daripada beberapa aspek, iaitu perubahan persempadanan daerah mengundi kawasan pilihan raya, saluran mengundi, etnik atau kaum dan lokasi geografi. Dari segi perubahan persempadanan kawasan pilihan raya 2003, bagi DUN Kajang dalam pilihan raya kali ini jelas menguntungkan BN. Hal ini demikian kerana daerah atau peti undi yang dahulunya dimenangi PAS pada PRU 1999 seperti Seksyen 3, 4 dan 5 Bandar Baru Bangi (majoriti 685 undi), Seksyen 1 dan 2 Bandar Baru Bangi (majoriti 1099 undi), dan Seksyen 8 Bandar Baru Bangi (majoriti 489 undi) yang majoritinya pengundi Melayu telah dikeluarkan dari DUN Kajang dan dimasukkan dalam DUN baru iaitu DUN Bangi. Bagi mengimbangi kesusutan pengundi DUN Kajang, 5 daerah mengundi dari DUN Balakong, Serdang yang majoritinya pengundi Cina telah dimasukkan ke DUN Kajang yang semakin mengecil tersebut Hal ini menyebabkan kawasan DUN Kajang yang dulunya iaitu pada PRU 1999 pengundi Melayunya sebanyak 57.4 peratus, berkurang kepada 43.9 peratus. Hasilnya, BN telah memenangi pilihan raya DUN Kajang dengan majoriti 2873 undi.

Low Lee Leng yang bertanding atas tiket BN mendapat 11,380 undi seterusnya berjaya menewaskan calon KeADILan iaitu Lee Kim Sin dengan majoriti 2,873 undi. Jika ditinjau dengan lebih mendalam dari sudut daerah mengundi pula, didapati BN menang di 10 daerah mengundi undi iaitu di Cheras Utara dengan majoriti 531 undi, Sungai Sekamat dengan majoriti 583 undi, Saujana Impian dengan majoriti 37 undi, Taman Mesra dengan majoriti 181 undi, Sungai Kantan dengan majoriti 430 undi, Taman Kajang Baharu dengan majoriti 343 undi, Kajang dengan majoriti 166 undi, Sungai Chua 2 dengan majoriti 100 undi, Sungai Chua 5 dengan majoriti 29 undi dan undi pos dengan majoriti 596 undi. DAP pula menang di daerah mengundi Sungai Chua 1 dengan majoriti 4 undi, Sungai Chua 3 dengan majoriti 56 undi dan Sungai Chua 4 dengan majoriti 63 undi. Dari segi saluran pula, BN menang di 41 saluran mengundi manakala DAP menang di 13 saluran mengundi. BN juga menang di kesemua 6 daerah mengundi yang majoritinya adalah pengundi Melayu iaitu di Cheras Utara, Sungai Sekamat, Saujana Impian, Taman Mesra, Sungai Kantan dan Taman Kajang Baharu dan DAP pula 3 daripada 6 daerah mengundi yang majoritinya adalah pengundi Cina iaitu di Sungai Chua 1, Sungai Chua 3 dan Sungai Chua 4.

Dari segi saluran mengundi pula, bagi saluran mengundi satu dan dua iaitu pengundi tua dan dewasa, jelas memihak BN. Namun demikian, bagi saluran mengundi 3, 4 atau 5 dan 6 di daerah mengundi yang majoritinya pengundi Cina, didapati undi mereka berpihak kepada pembangkang iaitu KeADILan (kini Parti Keadilan Rakyat/PKR). Sebagai contohnya, calon KeADILan menang di saluran 4 daerah mengundi Kajang dengan majoriti 18 undi saluran 6 daerah mengundi Sungai Chua 1 dengan majoriti 38 undi, saluran 2 pengundi muda daerah mengundi Sungai Chua 3 dengan majoriti 13 undi, saluran 2 pengundi muda daerah mengundi Sungai Chua 4 dengan majoriti 23 undi dan saluran 4 daerah mengundi Sungai Chua 5 dengan majoriti 23 undi. Meskipun kelima-lima saluran di Sungai Chua dulunya (1999) memihak kepada parti pembangkang DAP, namun trend pada pilihan raya umum 2004, sebahagiannya masih mengundi pembangkang iaitu calon dari KeADILan iaitu Lee Kim Sin meskipun DAP tidak meletakkan calonnya di DUN Kajang. Kemudian dari segi etnik, didapati bahawa pengundi Melayu tetap mengundi calon Cina dari BN berbanding calon Cina dari KeADILan. Hal ini dapat dilihat dengan data yang sedia ada iaitu sebagai contohnya bagi daerah mengundi Cheras

Utara (65.80 peratus Melayu), Sungai Sekamat (83.45 peratus Melayu), Taman Mesra (73.21 peratus Melayu) dan Sungai Kantan (86.47 peratus Melayu) yang majoritinya pengundi Melayu, telah memenagkan calon BN bagi daerah-daerah mengundi mereka. BN menang di Cheras Utara dengan majoriti 531 undi, Sungai Sekamat dengan majoriti 583 undi, Taman Mesra dengan majoriti 181 undi dan Sungai Kantan dengan majoriti 430 undi. Bagi pengundi Cina pula, pengundi tua dan dewasa mengundi calon BN manakala pengundi muda didapati mengundi calon KeADILan. Seterusnya dari segi keterbandaran, didapati tidak terdapat pola pengundian yang jelas kerana pengundi di DUN Kajang, baik di bandar mahupun di kawasan perkampungan Melayu seperti Sungai Kantan dan Sungai Sekamat secara majoritinya mengundi BN meskipun calon BN tersebut calon bukan Melayu.

Kawasan DUN Bangi merupakan kawasan yang pengundinya majoriti Melayu tapi masih sederhana. Hal ini demikian kerana 64.9 peratus adalah pengundi Melayu, 20.8 peratus adalah pengundi Cina dan 13.6 peratus adalah pengundi berbangsa India manakala 0.3 peratus pengundi daripada bangsa lain. Pada PRU 1999, Bangi adalah sebahagian daripada DUN Kajang. Dr. Shafie Abu Bakar yang mewakili PAS, menang di DUN Kajang dengan majoriti 37 undi. Kemudian setelah persempadanan semula kawasan pilihan raya dilakukan pada tahun 2003 menyebabkan Bangi dikeluarkan dari DUN Kajang, Parlimen Hulu Langat, seterusnya dijadikan DUN baru iaitu DUN Bangi dan dimasukkan dalam Parlimen Serdang. Persempadanan semula 2003 tersebut yang disusuli pula dengan pilihan raya umum 2004, yang akhirnya kawasan DUN Bangi dimenangi pula oleh calon BN yang diwakili oleh Dr. Amran Kasimin dengan majoriti 3708 undi. Perubahan pola pengundian ini juga dapat dilihat daripada beberapa aspek, iaitu perubahan persempadanan daerah mengundi kawasan pilihan raya, saluran mengundi, etnik atau kaum dan keterbandaran. Dari segi perubahan persempadanan kawasan pilihan raya, bagi DUN Bangi dalam pilihan raya kali ini juga jelas menguntungkan BN. Hal ini demikian kerana daerah atau peti undi yang dahulunya dimenangi BN dari DUN lain iaitu Sungai Ramal Dalam dengan majoriti 116 undi (DUN Balakong, Serdang), Sungai Ramal Luar dengan majoriti 23 undi (DUN Balakong, Serdang) dan Bangi dengan majoriti 486 undi (DUN Beranang, Hulu Langat) pada pilihan raya umum 1999, telah dikeluarkan dari DUN masing-masing dan dimasukkan ke dalam DUN Bangi yang baru diwujudkan tersebut. Dalam PRU 2004 pula majoriti kemenangan BN diketiga-tiga peti undi tersebut telah meningkat iaitu di Sungai Ramal Dalam dengan majoriti 172 undi, Sungai Ramal Luar dengan majoriti 395 undi dan Bangi dengan majoriti 975 undi. BN juga menang di daerah mengundi Sungai Tangkas dengan majoriti 1676 dan Reko dengan majoriti 1175 undi namun BN tewas tipis di daerah-daerah mengundi Seksyen 3, 4 dan 5 Bandar Baru Bangi (majoriti -65 undi), Seksyen 1 dan 2 Bandar Baru Bangi (majoriti -675 undi), dan Seksyen 8 Bandar Baru Bangi (majoriti -7 undi). Hal demikian menyebabkan BN menang di DUN Bangi dengan majoriti 3708 undi

Dr. Amran Kasimin yang bertanding atas tiket BN mendapat 12,563 undi seterusnya berjaya menewaskan calon PAS yang juga penyandang bagi kawasan DUN Bangi sebelum ini iaitu Dr. Shafie Abu Bakar dengan majoriti 3,708 undi. Jika ditinjau dengan lebih mendalam dari sudut daerah mengundi pula didapati BN menang di 5 daerah mengundi undi iaitu Sungai Tangkas dengan majoriti 1676 undi, Reko dengan majoriti 1175 undi, Sungai Ramal Luar dengan majoriti 395 undi, Sungai Ramal Dalam dengan majoriti 172 undi dan Bangi dengan majoriti 975 undi. PAS pula menang di 3 daerah mengundi Seksyen 3,4 &5 Bandar Baru Bangi dengan majoriti 65 undi, Seksyen 1 & 2 dengan majoriti 675 undi dan Seksyen 6 Bandar Baru Bangi dengan majoriti 7 undi. Dari segi saluran pula, BN menang di 25 saluran mengundi manakala PAS menang di 16 saluran mengundi. BN juga menang di 3 daripada 6 daerah

mengundi yang majoritinya adalah pengundi Melayu iaitu di Sungai Ramal Luar, Sungai Ramal Dalam dan Bangi serta BN juga menang di kesemua 2 peti undi bukan Melayu iaitu Cina iaitu di Reko dan Sungai Tengkas manakala PAS pula menang di 3 daripada 6 daerah mengundi Melayu iaitu Seksyen 3,4 & 5 Bandar Baru Bangi, Seksyen 1 & 2 Bandar Baru Bangi dan Seksyen 6 Bandar Baru Bangi.

Dari segi saluran mengundi pula, didapati tidak terdapat trend yang jelas sokongan pengundi muda atau tua terhadap parti tertentu. Apa yang pasti ialah kedua-dua golongan menyokong berdasarkan kekuatan pengaruh parti di daerah mengundi masing, sebagai contohnya pengundi muda di Sungai Ramal Dalam (saluran 2 pengundi muda majoriti 34 undi dan Sungai Ramal Luar (saluran 4 majoriti 81 undi), Reko (saluran 6 majoriti 203 undi), Sungai Tengkas (saluran 6 majoriti 235 undi) dan Bangi (saluran 5 majoriti 207 undi) tetap menyokong BN sedangkan pengundi muda di kesemua peti-peti undi di Bandar Baru Bangi adalah menyokong BN bagi saluran mengundi satu dan dua iaitu pengundi tua dan dewasa, jelas memihak BN. Kemudian dari segi etnik, didapati bahawa pengundi Cina dan India tetap dengan trend lama iaitu terus menyokong BN. Hal ini dapat dibuktikan dengan daerah mengundi Sungai Tangkas yang pengundi Cina dan India sebanyak 60.11 peratus dimana BN telah menang di kawasan tersebut dengan majoriti 1676 undi dan di daerah mengundi Reko yang pengundi Cina dan India sebanyak 80.91 peratus yang dimenangi BN sebanyak 1175 undi majoriti. Namun demikian, peti-undi-peti-undi Melayu di kawasan kampung tradisi juga dimenangi BN iaitu di Sungai Ramal Luar (88.66 peratus Melayu) sebanyak 395 undi, Sungai Ramal Dalam (97.87 peratus) sebanyak 172 undi majoriti dan di Bangi (51.82 peratus) sebanyak 975 undi majoriti. Seterusnya dari segi keterbandaran, PAS didapati menang tipis di ketiga-tiga Seksyen di Bandar Baru Bangi iaitu daerah-daerah mengundi Seksyen 3, 4 dan 5 Bandar Baru Bangi (majoriti 65 undi), Seksyen 1 dan 2 Bandar Baru Bangi (majoriti 675 undi), dan Seksyen 6 Bandar Baru Bangi (majoriti 7 undi).

Secara keseluruhannya, pola pengundian mengikut daerah mengundi di DUN Kajang dan DUN Bangi (Rujuk Jadual 3 dan 4), sebahagian besar saluran mengundi dan juga berdasarkan kepada majoriti etnik Melayu dan Cina juga menunjukkan bahawa BN menguasai hampir keseluruhan aspek pola pengundian yang dinyatakan tersebut. Keadaan ini dikaitkan dengan corak kepimpinan baru (islamik dan memberi ruang kepada semua pihak untuk bersuara/memberi pandangan) dan mesra rakyat yang ditonjolkan Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi yang menjadi Perdana Menteri ketika itu yang telah diberi kepercayaan penuh oleh pengundi melalui mandat besar dalam PRU 2004.

Antara isu yang dicanangkan dalam PRU 2004 ialah kepimpinan baru negara, ketelusan, islamisasi, kestabilan ekonomi, keselamatan dan kelemahan pentadbiran PAS di Terengganu dan Kelantan. Pilihan raya umum 2004 merupakan medan untuk melihat impak persempadanan semula bahagian pilihan raya 2003 serta penerimaan rakyat terhadap kepimpinan Dato' Seri Haji Abdullah Ahmad Badawi (Pak Lah). Setelah Pak Lah dilantik sebagai Perdana Menteri, beliau telah membawa imej baru kepimpinan negara. Beliau menampilkan imej beliau dengan bertindak sebagai imam dalam solat di pejabat dan masjid serta menaikkan taraf Badan Pencegah Rasuah (BPR) kepada taraf suruhanjaya untuk mencegah salahlaku rasuah di negara secara menyeluruh iaitu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Hal ini menyebabkan rakyat telah memberi harapan besar kepada beliau untuk membawa pembaharuan pentadbiran dalam negara ini dan ini menyebabkan rakyat bawahan terutamanya golongan atas pagar telah mengundi BN dalam pilihan raya kali ini. Harapan pengundi pada pilihan raya umum kali ini amat ketara dengan begitu besarnya mandat dan kemenangan yang diberikan kepada BN.

Pengundi inginkan sesuatu yang baru dan bersih di bawah kepemimpinan baru negara yang diteraju oleh Pak Lah. Dengan imej bersih, cucu kepada ulamak tersohor negara suatu ketika dahulu (Tuan Guru Abdullah Fahim), tegas serta dilihat mesra rakyat dengan slogan 'bekerja bukan kerana saya' maka rakyat tanpa ragu-ragu telah memberi kepercayaan penuh kepada BN untuk terus memerintah negara ini (Mohd Sayuti Omar 2004).

Pada PRU 2008, bagi pola pengundian mengikut daerah mengundi di DUN Kajang, PKR menang di 13 kawasan daerah mengundi manakala BN menang di 3 daerah mengundi iaitu Sungai Sekamat dan Sungai Kantan termasuk undi pos. Bagi DUN Bangi pula, PAS menang di 15 daerah mengundi manakala BN hanya menang di 3 daerah mengundi majoriti Melayu iaitu di Sungai Ramal Dalam dan Sungai Ramal Luar termasuk 1 undi pos. Bagi saluran mengundi pula, di DUN Kajang PKR menang di 47 saluran mengundi manakala BN menang di 10 saluran mengundi (termasuk 1 saluran undi pos) yang kebanyakannya saluran pengundi tua iaitu saluran 1. Bagi DUN Bangi pula, PAS menang di 58 saluran mengundi manakala BN menang di 9 saluran mengundi termasuk 1 saluran undi pos juga di saluran mengundi pengundi tua (1).

Isu-isu yang dicanangkan dalam PRU 2008 ialah keadilan ekonomi dan sosial, perjalanan pilihan raya yang bersih, kelemahan pentadbiran Perdana Menteri, ekonomi rakyat dan perkauman. Keputusan PRU Ke-12, penuh dengan persoalan. Semuanya berpunca daripada kesan 'tsunami politik' yang menumbangkan empat negeri milik UMNO-BN ke tangan pembangkang. Empat parti komponen Barisan Nasional (BN) iaitu UMNO, MCA, MIC dan GERAKAN turut menerima kejutan besar apabila ramai calon yang dipertandingkan mengalami kekalahan. Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu dan Pemangku Presiden GERAKAN, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon turut tewas di tangan pencabar masing-masing. Isu-isu nasional dalam pilihan raya umum 2008 seperti kos sara hidup, konsumerisme, keselamatan, integriti, kehakiman, kedudukan kepentingan strategik negara serta isu-isu menyentuh hak asasi manusia telah menjadi perkiraan rakyat berbanding habuan pembangunan mega melalui pelancaran koridor-koridor ekonomi. Terbukti, pendekatan politik pembangunan yang cuba dibawa BN kali ini gagal mempengaruhi para pengundi memberikan sokongan. Faktor kemenangan PAS di DUN Bangi dan PKR di DUN Kajang dikaitkan dengan fenomena nasional iaitu 'tsunami politik' yang bermula dengan perhimpunan aman tuntutan demokrasi dalam pilihan raya oleh parti-parti pembangkang yang dikenali sebagai BERSIH pada 10 November 2007 di Kuala Lumpur. Perhimpunan BERSIH tersebut disertai oleh pelbagai kaum dengan latar belakang yang berbeza yang telah meledakkan momentum kesedaran terutamanya tentang kepincangan perjalanan pilihan raya di negara ini. Kemudian berlaku pula himpunan HINDRAF pada 25 November 2007 oleh seluruh masyarakat India dengan slogan 'makkal sakhti' atau 'kuasa rakyat' yang menuntut perubahan sosioekonomi terhadap mereka serta protes terhadap Kerajaan yang merobohkan kuil-kuil Hindu di Selangor (Riduan Mohamad Nor 2008). Keadaan sedemikian dipadukan lagi dengan kelemahan Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi selaku Perdana Menteri Malaysia dalam membuat keputusan yang melibatkan kepentingan negara serta tidak tegas terhadap situasi 'politiking' negara pada waktu itu. Ketiga-tiga keadaan sedemikian menyebabkan BN gagal mendapat majoriti 2/3 kerusi Dewan Rakyat dan tewas di negeri Selangor, Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Kelantan dalam PRU 2008.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, persempadanan semula bahagian pilihan raya 2003 di kawasan DUN Kajang memberi implikasi kepada 6 aspek, iaitu pertama ialah pertambahan dan pengurangan (perubahan) bilangan pemilih di kedua-dua kawasan DUN; kedua perubahan bilangan pemilih mengikut kaum; ketiga perubahan kedudukan dan pertambahan serta pengurangan daerah mengundi; keempat dari segi pertambahan kerusi DUN/konstituensi; kelima perubahan kedudukan dalam kawasan Parlimen; dan keenam ialah kesan persempadanan ini kepada keputusan pilihan raya iaitu kebolehan parti-parti yang bertanding untuk memenangi pilihan raya. Persempadanan semula bahagian pilihan raya 2003 bagi kawasan DUN Kajang dan DUN Bangi telah memberi kelebihan kepada BN selaku pemerintah di peringkat Kerajaan Negeri Selangor dan Kerajaan Persekutuan/Malaysia dalam PRU 2004 di mana BN telah berjaya merampas kerusi DUN Kajang yang dimenangi PAS dalam PRU 1999 sebelumnya serta memenangi kerusi DUN Bangi dengan majoriti yang besar dan ini bertepatan konsep 'gerrymandering' iaitu persempadanan bahagian pilihan raya yang menguntungkan pemerintah. Namun demikian pada PRU 2008, impak persempadanan yang memberi kelebihan kepada BN pada PRU 2004 tersebut tidak lagi relevan kerana parti pembangkang telah berjaya menewaskan BN di kedua-dua DUN tersebut dengan majoriti yang lebih besar seterusnya menguasai DUN dan Kerajaan Negeri Selangor sekaligus memberi gambaran bahawa konsep 'gerrymandering' hanya berkesan untuk sepenggal tempoh pilihan raya umum sahaja. Hal ini dipengaruhi oleh faktor isu semasa dan sentimen pengundi yang boleh berubah secara besar-besaran tanpa boleh dihalang lagi oleh politik pembangunan dan faktor 3M (Money, Media & Machinery).

RUJUKAN

- Amer Saifude Ghazali. 2009. *Geografi pilihan raya Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Brown, G. K. 2005. Playing the (non) ethnic card: The electoral system and the ethnic voting patterns in Malaysia. *Ethnopolitics*. 4(4): 429-445.
- Glassner, M. I. 1993. *Political geography*. Connecticut, USA: John Wiley & Sons, Inc.
- Grofman B. 1990. *Political gerrymandering and the courts*. New York: Agathon Press.
- <http://www.gerrymandering.senate.gov/historygerry.html>
- Ismail Kassim. 1979. *Race, politics and moderation: A study of the Malaysian electoral*. Kuala Lumpur: Times Books.
- Johnston, R.J. 1972. Spatial Elements in Voting Patterns at the 1968 Christchurch City Council Election, *Political Science*. 24(1): 49-61.
- Lembaran Peta Persempadanan Bahagian Pilihan Raya Negeri Selangor 1994. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.

- Lembaran Peta Persempadanan Bahagian Pilihan Raya Negeri Selangor 2003. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.
- Lim Hong Hai. 2003. The Delineation of Peninsular Electoral Constituencies: Amplifying Malay and UMNO Power dlm Francis Loh Kok Wah & Johan Saravanamuttu. 2003. *New politics in Malaysia*. Singapore: Institute of Southeast ASIAN Studies.
- Mohd Sayuti Omar. 2004. *Pilihan raya 2004 satu tragedi*. Kuala Lumpur: Penerbitan Tinta Merah.
- Ong Kian Ming. 2005. Electoral Delimitation: A Case Study Of Kedah. Dlm. Mavis Puthuchearry & Norani Othman. *Election and Demaocracy in Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Perlembagaan Persekutuan. 1997. Kuala Lumpur: MDC Publisher Sdn. Bhd.
- R.S Milne dan Diane K.Mauzy. 1982. *Politik dan kerajaan di Malaysia*. Petaling Jaya: Leeds Publications.
- Riduan Mohamad Nor. 2008. *Analisis pilihan raya umum ke-12: Makkal sakhti 2008*. Kuala Lumpur: Jundi Resources.
- Rosmadi Fauzi, Aziz Shafie, Amer Saifude Ghazali, Zulkarnain Abdul Rahman & Mohammad Redzuan Othman. 2011. Elemen Ruangan dalam Politik Malaysia Menjelang Pilihan Raya Umum 13. *Seminar Politik Malaysia*. 12 Januari 2011, UiTM Shah Alam.
- Salleh Buang. 1997 (edt) Tun Mohd Salleh Abas. *Prinsip perlembagaan dan pemerintahan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sothi Rachagan. 1993. *Law and the electoral process in Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malay Press.
- Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. 1994. Laporan Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia mengenai Ulangkaji dan Persempadanan Semula Bahagian-bahagian Pilihan raya Parlimen dan Negeri bagi Negeri-negeri Tanah Melayu Jilid 1-syor 1994. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. 1995. Laporan Statistik Kaum, Daftar Pemilih Pilihan Raya Umum Ke 10. 1995. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. 2003 Laporan Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia mengenai Ulangkaji dan Persempadanan Semula Bahagian-bahagian Pilihanraya Parlimen dan Negeri bagi Negeri-negeri Tanah Melayu Jilid 1-syor 2003. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. 2004. Laporan Statistik Kaum, Daftar Pemilih Pilihan Raya Umum Ke11. 2004. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.

Toh Kin Won. 2003. Machang Bubuk: Change In Voting Patterns, 1995-1999 dlm Francis Loh Kok Wah & Johan Saravanamuttu. 2003. *New politics in Malaysia*. Singapore: Institute of Southeast ASIAN Studies.

Wan Junaidi Tuanku Jaafar. 2010. *Evolusi Parlimen dan evolusi speaker Parlimen Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

1)Junaidi Awang Besar,
2)Mohd Fuad Mat Jali,
Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK)
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

3)Rosmadi Fauzi,
4)Amer Saifude Ghazali,
Jabatan Geografi
Fakulti Sastera dan Sains Sosial (FSSS)
Universiti Malaya (UM)

Email: jab@ukm.my